



Air Sungai Klang melimpah BH 26/8/06

HUJAN lebat lebih dua jam petang semalam menyebabkan air Sungai Klang melimpah dan menyebabkan beberapa kawasan sekitar ibu negara sekali lagi mengalami kesesakan lalu lintas serta banjir kilat dalam tempoh dua hari berturut-turut. Ini menyebabkan keadaan menjadi kelam kabut apabila beribu-ribu warga kota dilaporkan terkandas dalam kesesakan lalu lintas kerana selain Sungai

Klang, air Sungai Gombak dan Sungai Bunus turut melimpahi tebing. Jurucakap Balai Polis Trafik Jalan Bandar berkata, kesesakan dilaporkan berlaku dari Jalan Jelatek ke Keramat, dari Jalan Pahang ke Jalan Chow Kit, Jalan Ampang, Jalan Tun Perak, Jalan Tun Razak menghala ke arah selatan, Jalan Masjid India, Jalan Raja Chulan dan sekitar Bukit Bintang.